

213 Pelajar UMS Sandakan Ke Kampus Utama

Oleh : Rozailiah Bonsay

SELASA 5 MAC - Universiti Malaysia Sabah (UMS) memindahkan 213 pelajarannya di kampus Sandakan ke kampus utama di sini bermula hari ini, kata Naib Canselor UMS Datuk Dr Mohd Harun Abdullah. Katanya, pemindahan mereka yang meliputi 54 pelajar lelaki dan 159 wanita itu disebabkan masalah bekalan makanan.

“Penempatan pelajar dari kampus Sandakan bukan disebabkan masalah keselamatan seperti yang diuar-uarkan tapi adalah disebabkan masalah bekalan makanan”.

“Ini berikutan kafeteria di kampus tersebut ditutup dan menimbulkan ketidakselesaan kepada para pelajar,” katanya pada sidang media di kampus UMS.

Menurut beliau semua pelajar terbabit berada dalam keadaan baik dan keselamatan mereka juga terjamin.

“Pihak kita juga sentiasa berhubung dengan pihak keselamatan untuk mendapatkan maklumat terkini,” katanya,

Mohd Harun berkata pelajar yang mengikuti pengajian di Sekolah Pertanian Lestari kampus Sandakan yang dipindahkan akan disediakan tempat tinggal dan menjalani kuliah seperti biasa.

Beliau juga meminta ibu bapa pelajar agar tidak bimbang kerana tiga kampus UMS terletak jauh daripada zon operasi keselamatan.

Mohd Harun turut menasihati para pelajar agar tidak terpengaruh dengan khabar angin yang boleh mencetuskan suasana panik sehingga mengganggu pembelajaran mereka.

